

24 FEB 1998

Komanwel-Muhyiddin

PEMBUKAAN KOMPLEKS SUKAN NEGARA DAN PERTANDINGAN PRA-KOMANWEL SERENTAK

PETALING JAYA, 24 Feb (Bernama) -- Kementerian Belia dan Sukan (KBS) hari ini mencadangkan supaya pembukaan rasmi Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil berjalan serentak dengan kejohanan Pra-Sukan Komanwel dari 11 hingga 19 Julai ini.

Menteri berkenaan Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan perasmian itu.

"Saya akan mengemukakan cadangan itu pada mesyuarat kabinet yang akan datang," katanya selepas melawat gelanggang kriket dan ragbi di Kelana Jaya, di sini hari ini.

Kompleks Bukit Jalil itu mengandungi Stadium Utama, Stadium Hoki Negara, Stadium Tertutup, Kompleks Renang dan Kompleks Skuasy Negara.

Menurut Muhyiddin upacara pembukaan kompleks itu akan berlangsung di Stadium Utama yang juga akan menjadi lokasi utama bagi upacara pembukaan dan penutup temasya Sukan Komanwel ke 16 di sini.

Sebanyak 16 sukan - Akuatik, Angkat Berat, Badminton, Bola Jaring, Boling, Boling Padang, Hoki (Lelaki/Wanita), Jimnastik, Kriket, Lumba Basikal, Menembak, Ragbi, Olahraga, Skuasy dan Tinju - akan dipertandingkan pada Sukan Kuala Lumpur '98 itu, pada 11-21 Sept.

Setakat ini 61 buah negara telah mengesahkan penyertaan. Penganjur Sukom Ninety Eight Berhad (Sukom) masih menunggu jawapan dari lapan buah negara Komanwel.

Hanya olahraga, hoki lelaki, skuasy, akuatik dan jimnastik akan dipertandingkan serentak pada pra-Komanwel itu nanti.

"Dengan menjalankan secara serentak ini kita dapat menguji kelengkapan dan kemampuan Stadium Utama yang juga akan menjadi tempat perasmian Sukan Komanwel September nanti," kata Muhyiddin.

Menurutnya upacara pembukaan itu akan diuruskan bersama oleh KBS dan Sukom.

Semua stadium di Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil akan diserahkan sepenuhnya kepada KBS selewat-lewatnya April ini.

Dalam perkembangan lain, pengerusi eksekutif Sukom Tan Sri Hashim Ali memberitahu persidangan berita di Stadium Negara bahawa KBS boleh mengadakan upacara pembukaan rasmi itu serentak dengan kejohanan Pra-Sukan Komanwel.

Selain itu, katanya KBS juga boleh mengadakan konsert di Stadium Utama di sepanjang pertandingan itu, ia adalah untuk menguji sistem keselamatan serta pengangkutan.

"Penonton mungkin boleh masuk ke Stadium Utama untuk menonton konsert itu secara percuma, tetapi ia bergantung kepada keadaan kewangan kita pada masa itu," katanya.

Sebelum itu Muhyiddin menyatakan rasa puas hatinya terhadap persiapan yang dilakukan di Kompleks Sukan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Stadium Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ) yang akan menjadi gelanggang kriket dan ragbi bagi Sukan Komanwel.

"Kedua-dua projek ini telah berjalan mengikut jadual dan dijangka akan siap sepenuhnya bulan depan, cuma terdapat beberapa kerja-kerja kecil yang perlu disiapkan," katanya.

Kompleks Sukan PKNS yang pernah menjadi gelanggang bagi kejohanan Piala Majlis Kriket Antarabangsa (ICC) dikatakan mempunyai kemudahan terbaik dan akan dicadangkan untuk menjadi salah satu gelanggang bagi pusingan separuh akhir acara itu pada Sukan Komanwel.

Stadium MPPJ, yang menggantikan Stadium Merdeka sebagai gelanggang sukan ragbi, akan menjadi gelanggang pertama yang bakal diuji, ini berikutan cadangan Kesatuan Ragbi Malaysia (KRM) untuk mengadakan kejohanan Pra-Sukan Komanwelnya pada April ini. -- BERNAMA

ZMA AHH